



Kementerian Kesihatan Malaysia

**PELAN TINDAKAN
ANCAMAN BOM ATAU BUNGKUSAN
YANG DIRAGUI DI
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

**UNIT KESELAMATAN & PERLINDUNGAN
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**

BERKUAT KUASA MULAI: **03 AUG 2023**

PENGENALAN

Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) mendefinisikan bencana sebagai satu kejadian yang berlaku dengan tiba tiba menyebabkan kemusnahan harta benda yang besar, kehilangan nyawa yang ramai dan gangguan kehidupan harian sesebuah masyarakat. Tiga agensi yang dikenal pasti mempunyai peranan yang besar di dalam pengurusan bencana adalah Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kejadian ini memerlukan pengendalian yang komprehensif serta melibatkan sumber, peralatan, kecekapan dan tenaga manusia yang lebih meluas daripada pelbagai agensi serta penyelarasan yang berkesan di mana kemungkinan memerlukan tindakan yang kompleks dalam jangkamasa yang lama.

Pasukan Perubatan Hospital memainkan peranan yang penting dalam usaha menyelamatkan dengan memberikan rawatan yang cepat dan berkesan kepada mangsa mangsa bencana bermula di tempat kejadian oleh pasukan pra hospital, semasa penghantaran mangsa ke hospital dan rawatan selanjutnya di hospital.

Pengendalian bencana akan berbeza mengikut kemampuan sesebuah hospital dari segi kemudahan infrastruktur, kepakaran, kekuatan anggota dan peralatan yang mampu disediakan.

OBJEKTIF

Tujuan Pelan Tindakan Ancaman Bom Atau Bungkus Diragui Unit Keselamatan & Perlindungan Hospital Queen Elizabeth II ini diwujudkan adalah untuk:

- a. Menyediakan satu pelan tindakan yang komprehensif untuk digunapakai oleh semua anggota Hospital dalam menghadapi bencana tanpa mengabaikan skop perkhidmatan hospital yang sedia ada.
- b. Menyediakan garis panduan bagi mewujudkan organisasi dan mekanisma pengurusan yang efisien dalam menghadapi bencana yang tidak disangka.

- c. Mewujudkan garis panduan bagi mengaktifkan setiap kakitangan hospital dan juga setiap perkhidmatan kritikal dengan pantas dan efisien dalam menghadapi situasi bencana.
- d. Menetapkan peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan Hospital Queen Elizabeth II semasa terjadinya kejadian bencana.
- e. Memberi panduan kesiapsiagaan semua perkhidmatan klinikal dan bukan klinikal di Hospital dalam menghadapi bencana.
- f. Memberi garis panduan bagi memberi bantuan pertolongan kecemasan kepada mangsa- mangsa yang ditimpa bencana di tempat kejadian dengan cepat dan berkesan.
- g. Menetapkan garis panduan untuk menubuhkan satu sistem kawalan dan perhubungan dengan tempat kejadian, serta lain-lain hospital dan agensi yang terlibat.
- h. Menyediakan format yang sistematik bagi pengumpulan data data mangsa bencana

DEFINASI

Menurut Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara, kejadian bencana ditakrifkan sebagai sebarang insiden samada semulajadi atau kerana faktor manusia, yang berlaku secara tiba tiba dan menyebabkan kecederaan, kematian dan kerosakan terhadap harta benda atau persekitaran dan menyebabkan gangguan terhadap aktiviti kehidupan seharian. Insiden seperti ini memerlukan pengurusan yang membabitkan sumber, alatan dan kemahiran khas dari pelbagai agensi. Koordinasi secara efektif diperlukan memandangkan jangkamasa pemulihan sepenuhnya mungkin lama dan berpanjangan.

PELAN TINDAKAN
ANCAMAN BOM ATAU BUNGKUSAN
YANG DIRAGUI

Ancaman Bom Melalui Telefon Atau Bungkusannya Yang Diragui

1. Tindakan oleh penerima panggilan

Sekiranya anda yang menerima panggilan mengenai ancaman /ugutan bom, cuba menjawab panggilan pemanggil tersebut dengan tenang dan dapatkan seberapa banyak maklumat penting seperti berikut:

- I. Tempat/kawasan di mana bom itu diletakkan.
- II. Bila bom di jangka akan meletup.
- III. Bagaimana rupa bom tersebut.
- IV. Mengapa tempat tersebut menjadi sasaran diletakkan.
- V. Jumlah bom tersebut.

Selepas menerima panggilan tersebut, isi borang laporan ugutan bom (seperti mana di lampirkan) dan hubungi pegawai atasan unit keselamatan dengan segera.

2. Tindakan oleh Unit Keselamatan & Perlindungan

- I. Hubungi ketua jabatan/bahagian tempat yang terlibat dan juga maklumkan kepada pihak berkuasa dan pihak Polis.
- II. Pegawai atasan Unit pergi ke lokasi berkenaan dan membunyikan loceng kecemasan kebakaran (nyatakan ini latihan menyelamatkan diri "fire Drill" untuk mengelakkan penghuni tidak kelam kabut jika memaklumkan kejadian sebenar) minta penghuni mengosongkan bangunan dan hanya membawa barang berharga milik sendiri sahaja ke tempat yang selamat.

3. Tindakan jika terjumpa objek atau bungkusannya yang diragui

Sekiranya anda mendapati terdapat objek yang mencurigakan, berkemungkinan sebuah bom didalam kawasan HQE2, **JANGAN SENTUH OBJEK TERSEBUT!!** Dengan segera tinggalkan kawasan tersebut dan hubungi Ketua Unit Keselamatan & Perlindungan HQE2.

(a) Sesiapa/individu yang menerima ancaman bom melalui telefon perlu/patut menanyakan soalan seperti berikut:

(i) Bilakah bom tersebut akan meletup?

(ii) Dimanakah letaknya/lokasi bom tersebut?

(iii) Jenis bom tersebut?

(iv) Bagaimanakah bentuk bom tersebut?

(v) Alasan/sebab untuk meletakkan bom tersebut?

(vi) Teruskan bercakap selama mungkin dan rekod maklumat seperti berikut :

- Masa panggilan tersebut.
- Umur dan jantina pemanggil tersebut.
- Cara percakapan, longhat atau bangsa dan lain-lain.
- Tahap emosi pemanggil
- Bunyi disekeliling pemanggil.

(b) **DENGAN SEGERA** maklumkan pegawai keselamatan tentang insiden.

(c) Periksa sekitar/dalam kawasan bangunan dengan teliti untuk mengesan sebarang objek yang mencurigakan. Jika terjumpa, jangan alihkan/sentuh/ objek tersebut dan maklumkan anggota pengawal keselamatan, Unit Keselamatan dengan segera. Pastikan anda tidak membuka laci, kabinet atau memasang/menutup suis lampu atau alatan elektrik yang lain.

(d) Sekiranya berlakunya kecemasan, aktifkan penggera kecemasan dan pastikan pengosongan bangunan dijalankan.

(e) Setibanya diluar, beralih kepada kawasan lapang/selamat sekurang kurangnya dalam jarak 500kaki jauh dari tempat kejadian.

(f) Berikan bantuan kepada pasukan penyelamat sekiranya diminta.

(g) Pos Kawalan Kecemasan mungkin akan didirikan berdekatan tempat kejadian. Jauhkan diri anda dari kawasan tersebut kecuali jika anda mempunyai urusan atau tugas rasmi mengenai kejadian yang sedang berlaku.

(h) **JANGAN KEMBALI SEMULA KE KAWASAN/BANGUNAN KEJADIAN** kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengarah Hospital. **PENTING!!** : Selepas mengosongkan bangunan, sila lapor diri di tapak perhimpunan (assembly point) anda. Semua penghuni diminta berkumpul di tempat tersebut dan melaporkan kepada Pegawai Pengungsian Bangunan.

JENIS PENGUNGSIAN (EVACUATION)

Terdapat tiga jenis pengungsian hospital, iaitu Kelas I, II dan III

a) Kelas I

Pengungsian di kawasan hospital sahaja. Melibatkan pemindahan antara wad-wad di hospital berkaitan. Tiada masalah dalam penempatan pesakit.

Contoh: Gangguan sistem lif, kebocoran gas, gangguan bekalan elektrik, wabak SARS, kolera.

b) Kelas II

Pengungsian sebahagian hospital / antara hospital (partial evacuation within hospital / inter hospital).

Contoh: Kebakaran, masalah mengenai ruang atau katil.

c) Kelas III

Pengungsian keseluruhan hospital, melibatkan penempatan kedua seperti dipindahkan ke hospital yang lain.

Contoh: Ancaman bom

KAWASAN YANG PERLU DIUTAMAKAN UNTUK PENGUNGSIAN

a) Kawasan yang paling teruk terlibat

b) Kawasan yang dekat dengan kawasan terlibat


Perkhidmatan Kawalan Keselamatan:

a) Bertanggungjawab mengenai keselamatan keseluruhan kawasan terlibat.

b) Membantu mengawal waris pesakit, pelawat, media massa.


c) Bertanggungjawab mengawal lalu lintas dalam kawasan hospital.

CARTA ALIR ANCAMAN BOM ATAU BUNGKUSAN DIRAGUI OLEH UNIT KESELAMATAN & PERLINDUNGAN HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II



BIL	BORANG LAPORAN UGUTAN BOM		CATATAN
1.	NAMA PENGADU		
2.	JABATAN/WAD/UNIT		
3.	NO. TEL EXT		
4.	TARIKH		
	MASA PANGGILAN		
5.	LOKASI BOM SASARAN JENIS BENTUK		
6.	NAMA PEMANGGIL		
	UMUR		
	JANTINA		
	LOGHAT PERCAKAPAN		
	BUNYI DISEKELILING PEMANGGIL		
7.	ALASAN		
	PESANAN		

**CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PELAN TINDAKAN
ANCAMAN BOM ATAU BINGKUSAN YANG DIRAGUI DI
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II**



PENASIHAT : PENGARAH HOSPITAL

PENYELARAS 1 : TIMBALAN PENGARAH KLINIKAL

PENYELARAS 2 : TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN

AHLI JAWATANKUASA

- 1. KETUA UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**
- 2. KETUA PENYELIA HOSPITAL**
- 3. KETUA UNIT KESIHATAN AWAM**
- 4. KETUA PENYELIA JURURAWAT**
- 5. PEMBANTU KESELAMATAN**
- 6. SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN SWASTA**


Disediakan oleh :



Muhd Faisal Bin Abdul Rashid
Pembantu Keselamatan KP19
Unit Keselamatan & Perlindungan
Hospital Queen Elizabeth II

Tarikh : 1/8/2023

Disahkan oleh :



DR. FERRO FIRDAUS IBRAHIM
MD (KSMU), MHA (UPCPH), MBA-HM (UTM)
PENGARAH
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II
KOTA KINABALU, SABAH
MMC NO: 56597

Tarikh :

03 AUG 2023